

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/1988**

=====

**PINDAAN KEAHLIAN LEMBAGA PEMECAHAN LADANG NEGERI
SELANGOR DARUL EHSAN BAGI TUJUAN MENIMBANGKAN
PERMOHONAN PECAH SEMPADAN DAN PECAH BAHAGIAN TANAH
MENURUT SEKSYEN 136(1) (C) (III) DAN 141 (C) KANUN TANAH NEGARA
BAGI TANAH LADANG YANG KELUASANNYA
SERATUS (100) EKAR DAN LEBIH**

Berkaitan dengan perkara di atas Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bermesyuarat pada 27 Januari 1988 telah bersetuju meminda 'Arahan Pemecahan Ladang, 1968' berhubung dengan keahliannya. Pindaan tersebut telahpun diwartakan melalui Sel.P.U.19/21/7/1988 dan mula berkuatkuasa pada 27 Januari 1988.

2. Dengan pindaan tersebut, maka keanggotaan Lembaga Pemecahan Ladang di bawah 'Arahan Pemecahan Ladang' 1968' itu adalah seperti berikut:-

- (i) Menteri Besar Selangor (Pengerusi)
- (ii) Setiausaha Kerajaan Selangor
- (iii) Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pekerja-Pekerja Lombong dan Ladang
- (iv) Pengarah Pertanian Negeri Selangor
- (v) Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor
- (vi) Pengarah Buruh Negeri Selangor

3. Bersama-sama ini disertakan sesalinan SI.P.U.7/25/4/1968 berkaitan dengan 'Arahan Pemecahan Ladang, 1968' yang telah dipinda oleh Arahan Pemecahan Ladang (Pindaan) 1988, melalui Sel.P.U.19/21/7/1988, untuk makluman dan perhatian tuan.

4. Selaras dengan 'Arahan Pemecahan Ladang' 1968' yang telah dipinda itu, maka semua permohonan pemecahan 'Ladang' (iaitu bagi tujuan pecah sempadan dan pecah bahagian tanah) hendaklah dirujukan terlebih dahulu kepada Lembaga ini untuk mendapatkan kelulusan atau persetujuan bertulis sebelum Pentadbir Tanah Daerah atau Pengarah Tanah dan Galian (mengikut jenis hakmilik) boleh meluluskannya, sebagaimana diperuntukkan di bawah Seksyen 136(1)(c)(iii) dan 141(1)(c) Kanun Tanah Negara. Bagi tujuan tersebut Pentadbir Tanah Daerah dikehendaki menyediakan kertas ringkasan dengan memasukkan bersama ulasan daripada pihak berkuasa perancangan, Jabatan

Pertanian dan Jabatan Buruh, untuk dikemukakan ke Pejabat Tanah dan Galian bagi pertimbangan Lembaga tersebut.

5. Bagi maksud arahan ini, pengertian 'Ladang' adalah bermaksud mana-mana tanah pertanian atau ladang yang dikeluarkan hakmilik yang luasnya seratus (100) ekar atau lebih, yang dipegang di bawah Hakmilik Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah dan adalah termasuk mana-mana tanah atau ladang serupa ini sungguhpun keluasannya kurang daripada seratus ekar, jika ia dijadikan sebahagian daripada tanah pertanian atau ladang yang berjumlah seratus ekar atau lebih itu.

6. Dengan itu semua Pentadbir Tanah Daerah dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya berkaitan dengan perkara di atas.

T.T

(DATO' ABDUL HADI BIN HJ. SIDEK)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 30 Ogos, 1988

PTG.Sel.(s)0.115 SJ.151